

# Pertandingan memancing sempena Bulan Kemerdekaan, Hari Malaysia di tasik UMP

**KUALA LUMPUR 12 Sept.** - Sempena bulan kemerdekaan dan Hari Malaysia, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** di Pekan, Pahang, mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan memancing pada Sabtu ini di tasik universiti itu.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, kali ini pihaknya menawarkan hadiah keseluruhan iaitu wang tunai RM16,000.

Beliau berkata, peserta juga

berpeluang memenangi cabutan bertuah selain hadiah bonanza sebuah televisyen 32 inci.

"Lebih satu tan ikan patin, tilapia merah dan keli menanti peserta. Mereka yang berminat boleh membuat pendaftaran pada Jumaat ini pukul 3 petang hingga 10 malam.

"Saya berharap program ini mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai. Selain memberi kepuasan, aktiviti terbabit juga dapat mengeratkan

hubungan antara UMP dan ahli masyarakat," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Tambah Daing Nasir, selain menyediakan 300 kemeja kepada peserta awal, hadiah pemenang tempat ke-15 dan ke-16 turut disediakan bagi meraikan ulang tahun ke-15 UMP dan 60 tahun kemerdekaan negara.

Maklumat lanjut boleh didapati dengan menghubungi talian 013-3052811 atau layari laman Facebook *jorankl*.

UTUSAN MALAYSIA (ALAM AKADEMIK) 13/9/17 (RABU) 11/5/14